



Nilai tanah adat di Malaysia: Kajian perspektif Komuniti Bidayuh

Zaimah, R.¹, Azima, A.M.¹, Sarmila, M.S.¹, Novel, L.¹, Sivapalan, S.¹

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

Correspondence: Zaimah Ramli (email: zaimahr@ukm.edu.my)

Abstrak

Tanah adat merupakan aset penting dan sangat bernilai kepada komuniti Bidayuh. Justeru, artikel ini cuba untuk memahami nilai terhadap tanah adat dan hubungannya ke atas ekonomi dan sosio-budaya daripada perspektif komuniti Bidayuh. Kajian dilaksanakan di Daerah Serian, Sarawak. Data dikutip menggunakan borang soal selidik yang turut disokong oleh temubual separa-struktur. Teknik persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan. Seramai 70 pemilik tanah telah respon terhadap soal selidik yang diedarkan dan 10 orang komuniti Bidayuh ditemubual separa-struktur. Hasil kajian menunjukkan nilai terhadap tanah adat daripada perspektif komuniti Bidayuh dikelaskan kepada tiga, iaitu tanah sebagai identiti budaya, tanah sebagai kelangsungan warisan dan tanah sebagai sumber ekonomi. Ternyata tanah adat mempunyai hubungan langsung dengan ekonomi dan sosio-budaya komuniti Bidayuh.

Katakunci: identiti budaya, kelangsungan warisan, komuniti Bidayuh, nilai terhadap tanah, sumber ekonomi, tanah adat

The value of customary land in Malaysia: A perspective case study of the Bidayuh Community

Abstract

Customary land forms an important and valuable asset to many a traditional community and as such crucial in the affairs of a country's resource governance. This study sought to comprehend the real value of customary land from the perspective of Bidayuh community and its economic and social ramifications. Primary data were gathered from a field survey of 80 Bidayuh land owners in the District of Serian, Sarawak. The findings revealed a three tiered value of the Bidayuh customary land: land as the repository of ethnic cultural identity, land as heritage sustaining, and land as an economic resource. Thus the customary land forged direct links with the economic and socio-cultural aspects of the Bidayuh community.

Keywords: Bidayuh community, cultural identity, customary land, economic resources, heritage sustainability, value of land

Pengenalan

Komuniti Bidayuh adalah masyarakat yang mendiami kawasan barat daya Sarawak, terutamanya di Bahagian Serian, Kuching dan Barat Kalimantan (Ziana, 2013). Perkataan 'Bidayuh' adalah istilah kolektif bagi mengelompokkan beberapa sub suku Dayak Darat. Kaum Bidayah boleh dikelaskan kepada

empat etnik, iaitu Selakau/Lara (Daerah Lundu, Jagoi/Singai (Daerah Bau), Biatah (Daerah Bidawan) dan Bukar/Sadong (Daerah Serian) (Rasheed, 2013 dalam Mohd Shafiq & Azima, 2014).

Tanah adat merupakan aset penting dan sangat bernilai kepada komuniti Bidayuh (Dapatan Sarawak, 2013). Tanah adat bagi komuniti Bidayuh mempunyai hubungan dalam semua aspek kehidupan mereka yang meliputi sistem kepercayaan, kebudayaan, kesihatan, pengurusan sumber, warisan pengetahuan dan adat, perundangan, sosial dan juga politik (Adibah et al., 2009 dalam Mohd Shafiq & Azima, 2014a). Keperluan terhadap pemilikan tanah yang diiktiraf juga merupakan suatu perkara yang serius dalam komuniti Bidayuh (Mohd Shafiq & Azima, 2014b).

Perihal penting dan bernilainya tanah adat kepada komuniti Bidayuh telah mencetus kajian berkaitan pemahaman makna pemilikan dan persempadanan tanah adat dilaksanakan. Hasil kajian tersebut mendapati penetapan dan persempadanan tanah adat ditentukan oleh komuniti Bidayuh melalui penggunaan sumber-sumber alam, seperti pokok dan sungai (Azima et al., 2014b). Namun demikian, perbincangan artikel ini adalah fokus kepada memahami nilai terhadap tanah dan hubungannya ke atas aspek ekonomi dan sosio-budaya daripada perspektif komuniti Bidayuh.

Ulasan literatur

Pemahaman orang Asal terhadap makna persempadanan dan pemilikan adalah sesuatu yang mempunyai keunikannya yang tersendiri (Azima et al., 2014b). Peraturan umum tentang sempadan serta pemilikan terhadap tanah difahami mereka melalui informasi lisan yang diwarisi daripada satu generasi ke generasi yang lain. Melalui peraturan umum, isi rumah dalam masyarakat yang pertama menebang hutan dijamin hak ke atas tanah tersebut. Hak-hak mereka terhadap tanah yang diterokai sememangnya diwarisi serta dijamin oleh masyarakat yang kemudiannya ditandai dengan sempadan semulajadi yang dikenali sebagai 'garis' seperti sungai, rabung dan mercu tanda kekal yang lain.

Merujuk Azima et al. (2014b), pemakaian serta pengiktirafan sempadan dan pemilikan tanah orang Asal oleh masyarakat bukanlah sesuatu yang asing. Hal ini kerana terdapat beberapa perundangan awal yang telah dijadikan rujukan sebelum wujudnya Kanun Tanah Sarawak 1958, antaranya Perintah-Perintah Tanah 1931, Ordinan Pendudukan Tanah 1933, Ordinan Aplikasi Undang-undang 1949, Ordinan (Klasifikasi) Tanah 1948, Akta Undang-Undang Sivil 1956 dan Kanun Tanah Sarawak 1958. Kanun Tanah Sarawak 1958 menekankan bahawa orang yang menuntut pemilikan atau kepentingan mesti mempunyai dokumen hakmilik dalam bentuk pemberian, pajakan atau lain-lain dokumen sebagai bukti hakmilik atau kepentingan. Tetapi terdapat peruntukan bagi Tanah Adat di bawah Seksyen 5 (2) yang menghadkan penggunaan tanah adat, antaranya termasuk penebangan hutan dara dan pendudukan tanah yang dibersihkan, penanaman tanah dengan buah-buahan, pendudukan tanah ditanam, penggunaan tanah bagi tanah perkuburan atau makam, dan penggunaan tanah untuk hak cara.

Banyak pindaan telah dibuat kepada Kanun Tanah. Misalnya pindaan tahun 2000 telah mengharmonikan proses dan prosedur yang berkaitan dengan Tanah Adat dengan agensi yang terbabit dalam konteks bermilik tanah dan yang berkaitan pampasan terhadap tanah-tanah yang telah diambilalih bagi tujuan pembangunan. Dalam masa sama pindaan tahun 2000 juga memberikan perhatian terhadap pendaftaran tanah adat. Keadaan ini sesuai dengan keperluan pembangunan kumpulan orang asal di Sarawak, namun ianya melibatkan tanah komunal milik orang asal (Azima et al., 2014a).

Tanah umumnya penting sebagai sumber mata pencarian ekonomi sara diri (Azima et al., 2014b). Tanah penting sebagai kawasan untuk masyarakat mencari makanan, memburu dan memungut hasil hutan. Dalam hal ini tanah bertindak sebagai penjana ekonomi yang bergantung kepada aktiviti sara diri komuniti Bidayuh. Masyarakat Bidayuh menggunakan tanah mereka dengan tujuan kelangsungan hidup dalam aspek ekonomi dengan aktiviti sara diri mereka. Tanah pulau akan memastikan bahawa sumber makanan bagi masyarakat tidak habis atau terputus dan dijadikan tempat tinggal serta aktiviti harian masyarakat.

Keperluan tanah sebagai pengikat antara kaum yang berkongsi tanah secara bersama menggambarkan wujudnya ikatan solidariti yang kukuh antara keduanya. Hal ini jelas apabila majoriti pemilik tanah yang

ditemui bersetuju bahawa tanah dalam masyarakat Bidayuh penting dan bermakna sebagai simbol identiti mereka (Azima et al., 2014b).

Menurut BRIMAS (1999), penggabaaian dan pelanggaran undang-undang sering dilakukan oleh kerajaan negeri telah menyebabkan kebanyakan tanah adat telah dijadikan tanah ladang secara besar-besaran dan juga aktiviti pembalakan. Pembukaan ladang kelapa sawit yang tidak henti-henti juga menyebabkan sumber asli seperti rotan yang berguna untuk kraftangan telah pupus dan komuniti tempatan telah hilang sumber sampingan dari kegiatan ini. Kesannya orang-orang kampung kekurangan tanah untuk kegunaan sendiri seperti menanam padi dan tanaman lain (Marcus, 2008). Sekiranya tidak ditangani secara serius sudah pasti lama-kelamaan budaya dan warisan yang mereka kekalkan selama ini hilang ditelan arus pembangunan yang mementingkan keuntungan.

Menurut Mohd Shafiq dan Azima (2014b), tanah adat penting sebagai simbol identiti budaya kepada komuniti Bidayuh daripada aspek sosial. Pengiktirafan tanah adat juga penting bagi membolehkan komuniti mempunyai kuasa dalam menentukan keputusan berkaitan pembangunan tanah mereka. Malahan pemeliharaan tanah adat turut memelihara dan mengekalkan persekitaran ekologi.

Metod kajian

Kajian dilaksanakan di enam buah kampung di Daerah Serian, iaitu Kg. Diang, Kekai, Mentu Tupu, Mongkos, Pridan dan Tong Nibung. Kutipan data menggunakan soal selidik dan turut disokong oleh temubual separa-struktur bersama komuniti Bidayuh. Soal selidik diedarkan bagi mendapatkan profil dan maklumat umum, semestara temubual bersama wakil komuniti Bidayuh dilakukan bagi mendapatkan input mereka tentang nilai, pemilikan dan persempadanan tanah yang mereka miliki. Teknik persampelan yang digunakan bagi kedua-dua kaedah adalah persampelan bertujuan. Seramai 70 responden telah respon terhadap soal selidik yang diedarkan. Penemuan umum tentang pemilikan tanah disokong oleh hasil temubual separa-stuktur dengan sepuluh orang responden yang berjaya ditemui dan memberikan kerjasama. Petikan temubual dinyatakan sebagai KB-1 hingga KB-10, iaitu KB merujuk kepada komuniti Bidayuh. Fokus perbincangan artikel adalah nilai terhadap tanah dalam komuniti Bidayuh serta hubungannya dengan kelangsungan hidup mereka daripada segi aspek ekonomi dan sosio-budaya.

Hasil kajian dan perbincangan

Profil responden

Responden berjumlah 70 yang terdiri daripada penduduk enam buah kampung di Daerah Serian, iaitu Kg. Diang (34.3%), Kg. Kekai (5.7%), Kg. Mentu Tupu (11.4%), Kg. Mongkos (8.6%), Kg. Pridan (37.1%) dan Kg. Tong Nibung (2.9%). Jumlah responden lelaki adalah lebih ramai (77.1%) berbanding responden perempuan (22.9%). Lebih separuh daripada responden berada dalam lingkungan umur 41-60 tahun (58.6%), diikuti oleh responden berumur lebih 60 tahun (28.3%) dan responden berumur kurang dan sama 40 tahun seramai 17.1 peratus. Hampir seratus peratus responden beragama Kristian (98.6%) dan berkahwin (95.7%). Seramai 38.6 peratus responden mempunyai bilangan 3-5 orang anak. Manakala 31.4 peratus pula memiliki anak melebihi lima orang anak. Tahap pendidikan responden boleh dikelaskan kepada tiga, iaitu tidak bersekolah (24.3%), sekolah rendah (45.7%) dan sekolah menengah (30.0%). Kebanyakan responden bekerjasebagai petani (70.0%). Taburan pendapatan bulanan bulanan responden mencatatkan pendapatan kurang dan sama RM500 adalah yang tertinggi (70.0%) dan diikuti oleh pendapatan antara RM501-RM1,000 (20.0%). Hanya seorang responden pendapatan melebihi RM2,000.

Jadual 1. Profil responden

	Kekerapan	%		Kekerapan	%
Jantina:			Agama:		
Lelaki	54	77.1	Kristian	69	98.6
Perempuan	16	22.9	Islam	1	1.4
Umur:			Status perkahwinan:		
≤ 40 tahun	12	17.1	Bujang	1	1.4
41-60 tahun	41	58.6	Berkahwin	67	95.7
> 60 tahun	17	24.3	Duda	2	2.9
Tahap pendidikan:			Bilangan anak:		
Tidak bersekolah	17	24.3	≤ 2 orang	21	30.0
Sekolah rendah	32	45.7	3-5 orang	27	38.6
Sekolah menengah	21	30.0	> 5 orang	22	31.4
Pekerjaan:			Pendapatan bulanan:		
Tidak bekerja	13	18.6	≤ RM500	49	70.0
Petani	49	70.0	RM501-RM1,000	14	20.0
Lain-lain	8	11.4	RM1,001-RM1,500	3	4.3
			RM1,501-RM2,000	3	4.3
			≥ RM2,001	1	1.4

Pemilikan tanah responden

Jadual 2 menunjukkan status pemilikan tanah responden. Rata-rata responden mempunyai tanah individu (60.0%) dan tanah keluarga (41.4%). Hanya sebahagian kecil sahaja yang menyatakan mempunyai tanah masyarakat (7.1%). Tanah individu bermaksud tanah milik sendiri yang mempunyai geran. Tanah keluarga pula merujuk kepada tanah NCR yang dimiliki oleh keluarga. Manakala tanah masyarakat pula merujuk kepada tanah NCR dimiliki bersama ahli masyarakat.

Jadual 2. Pemilikan tanah responden

	Tanah individu	Tanah keluarga	Tanah masyarakat
Pemilikan tanah	42 (60.0%)	29 (41.4%)	5 (7.1%)
Mempunyai persempadanan	36 (51.4%)	21 (30.0%)	5 (7.1%)
Keluasan tanah:			
Minimum	1.2 ekar	1 ekar	2.5 ekar
Maksimum	45 ekar	20 ekar	24.7 ekar
Kegunaan tanah	Pertanian	Pertanian	Pertanian & tempat tinggal
Mempunyai tanah lain		7 (10.0%)	
Terlibat dengan penjualan tanah		3 (4.3)	

Hasil kajian juga menunjukkan hampir setiap responden mempunyai saiz tanah yang berbeza-beza, iaitu masing-masing mencatatkan keluasan antara 1.2-45.0 ekar (tanah individu), 1.0-20.0 ekar (tanah keluarga) dan 2.5-24.7 ekar (tanah masyarakat). Perbezaan keluasan ini disebabkan oleh usaha gigih dalam meneroka/membuka kawasan tanah pada peringkat awal. Bagi mereka yang banyak membuka kawasan baru akan mempunyai keluasan tanah yang lebih besar. Hal ini dapat disokong daripada petikan perbualan di bawah:

KB-7:“...kalau dia rajin, tanah dia lagi besar...tapi tidak di satu tempat...banyak tanah itu lebih berharta, sebab dia dulu rajin, ataupun datuk nenek dia dulu rajin...keturunan dia rajin-rajin”

Seterusnya tanah yang luas tersebut akan diperturunkan daripada satu keturunan kepada keturunan berikutnya. Jika pemilik asal memiliki anak ramai, maka keluasan tanah akan menjadi lebih kecil berbanding mereka yang hanya memiliki anak sedikit atau anak tunggal.

Hasil kajian juga mendapati rata-rata kegunaan tanah-tanah tersebut adalah untuk tujuan pertanian. Pelbagai jenis tanaman ditanam di tanah-tanah berkenaan, seperti kelapa sawit, getah, lada, padi, koko dan pokok buah-buahan. Selain itu, tanah yang dimiliki juga digunakan sebagai tempat tinggal dengan membina kediaman dan rumah masing-masing. Pembinaan kediaman dan rumah ini lebih tertumpu pada jenis tanah masyarakat.

Hasil kajian dalam Jadual 2 turut menunjukkan bahawa hanya 10 peratus responden menyatakan mempunyai tanah lain selain tiga jenis tanah yang dinyatakan. Lebih menarik lagi, kurang daripada lima peratus responden sahaja yang pernah terlibat dengan penjualan tanah. Hal ini pastinya dipengaruhi oleh nilai dan kepentingan tanah dalam masyarakat Bidayuh itu sendiri. Dapatan ini dapat dijelaskan/dibuktikan berdasarkan oleh dua petikan di bawah:

KB-3:“...tapi orang kampung sini memang mati-mati tidak mahu jual tanah...untuk generasi akan datang...tanah ini susah kita nak cari kan...kalau takda tanah mana kita nak diam...mana kita nak tanam, mana kita nak cari makan...itulah pentingnya tanah bagi kami orang lah...”

KB-9:“...kalau macam saya orang kampung sini, memang tiadalah beli tanah di lain-lain kampung, sebab orang kampung sana pun sayang tanah jugaklah...pun tidak mahu jual tanah sebarang”

Nilai terhadap tanah daripada perspektif responden

Berdasarkan hasil temubual yang telah dilaksanakan ke atas 10 orang responden, nilai terhadap tanah daripada perspektif komuniti Bidayuh boleh dikelaskan kepada tiga, iaitu:

- a. Tanah sebagai identiti budaya
- b. Tanah sebagai kelangsungan warisan
- c. Tanah sebagai sumber ekonomi

a. Tanah sebagai identiti budaya

Tanah adalah sesuatu yang sangat penting dalam komuniti Bidayuh. Tanah dianggap sebagai simbol identiti budaya mereka yang diwarisi secara turun temurun. Pemilikan dan pengekalan tanah dari satu keturunan kepada keturunan berikutnya merupakan suatu kebanggaan dan pengikhtirafan kepada mereka. Ketiga-tiga petikan di bawah mengesahkan betapa penting tanah sebagai identiti budaya dalam komuniti Bidayuh.

KB-5:“Tanah adat adalah tanah keturunan”

KB-1: “Tanah adat memang diwarisi dari nenek moyang dulu, turun temurun”

KB-2: “Nilai kekeluargaan la...itu merupakan hadiah daripada mak bapak, daripada nenek kepada cucu cicit, macam itulah keturunan”

Merujuk KB-1 dan KB-5, tanah adat adalah tanah keturunan yang diwarisi secara turun temurun daripada nenek moyang mereka. Lebih daripada itu, ia juga dilihat sebagai suatu lambang yang mempunyai nilai kekeluargaan yang sangat tinggi (KB-2). Tanah adalah hadiah yang sangat besar nilainya kepada generasi yang akan mewarisinya.

b. Tanah sebagai kelangsungan warisan

Tanah juga mempunyai nilai kelangsungan warisan dalam komuniti Bidayuh. Pemilikan tanah dalam kalangan mereka membolehkan komuniti Bidayuh terus berkembang. Tanah yang dimiliki secara warisan ini memberikan mereka ruang untuk membina penempatan dan bercucuk tanam demi kelangsungan hidup dari satu generasi kepada generasi berikutnya. Tanah umpama kehidupan kepada mereka, tanpa tanah amat sukar untuk mereka meneruskan kehidupan. Semua ini dapat diterjemahkan daripada empat petikan berikut:

KB-6: "...kalau orang Bidayuh tidak ada tanah, dia mahu duduk dekat mana? Dia mahu bercucuk tanam dekat mana? Dia mahu hidup dengan famili dia dengan siapa? Itu sebab, seinci tanah ada pada kaum Bidayuh ini sangat penting...penting..."

KB-3: "...memang diwarisi sebab mak bapak sudah serah tanah itu kepada saya kan, saya jaga tanah ini untuk anak saya, untuk cucu cicit saya nanti..."

KB-10: "Tanah adat ni adalah tanah keturunan...datuk...mak bapak saya usahakan dulu, takkan dia nak bagi pada orang lain, mesti dia nak bagi pada anak cucu dia. Sebab apa, dia usahakan, dia tidak ada benda lain, dia hanya tanam padi...ini peninggalan untuk anak cucu saya"

KB-7: "...kalau dia sekarang tinggal di Kuching atau di mana-mana, jadi bila sudah pencen, dia mahu balik itu kampung, mahu buat rumah, mahu tapak di kampung...macam saya ketua keluarga, dia akan minta untuk buat rumah, saya akan bagi sedikit untuk buat rumah..."

Pada pandangan mereka, meskipun telah mempunyai pekerjaan dalam sektor moden dan tinggal di bandar, tanah adat tetap diperlukan untuk meneruskan kehidupan selepas pencen. Malahan mereka juga masih mempunyai rasa terbuka untuk memberi ruang tanah kepada ahli keluarga mereka yang ingin membuat rumah jika telah berpencen.

c. Tanah sebagai sumber ekonomi

Tanah sangat penting sebagai sumber ekonomi dan pendapatan komuniti Bidayuh. Jika dirujuk kembali Jadual 2, rata-rata kegunaan tanah komuniti Bidayuh adalah digunakan untuk tujuan pertanian. Pelbagai jenis tanaman diusahakan oleh pemilik tanah, seperti kelapa sawit, getah, lada, padi, koko dan pokok buah-buahan. Sebahagian hasil tanaman mereka adalah untuk kegunaan sendiri dan keluarga, manakala sebahagiannya pula adalah untuk dijual. Pendek-kata, tanah adalah tempat mereka "mencari makan". Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan petikan-petikan berikut;

KB-1:
"Tanah NCR ini memang digunakan untuk pertanian, lazimnya orang bercucuk tanam, sumber pendapatan orang kampung"

KB-3:
"...penting tanah ini biasalah macam kita cari makan, tanam padi apa semua dari tanah lah..."

KB-4:
"Tanah adalah kehidupan...tanpa tanah di mana kamu mahu berpijak...tanpa tanah saya mahu makan apa..."

KB-7:

“...memang tanah itu untuk cari makan, sebab mahu pergi kerja ke pasar jauh, transport pun susah, bagus kita di kampung ini...macam tanam lada, tanam padi...ada hasil kita jual...”

Bagi komuniti Bidayuh, tanah bukan sahaja penting sebagai sumber makanan mereka tetapi turut menjadi aset jangka panjang yang perlu dipertahan dan dilindungi demi mengekalkan warisan tradisi mereka.

Kesimpulan dan implikasi

Hakikat bahawa tanah adat komuniti Bidayuh penting sebagai simbol identiti budaya kepada komuniti Bidayuh daripada aspek sosial memang tidak dapat disangkal. Hasil kajian ini turut mengesahkan bahawa kepentingan tanah adat dalam komuniti Bidayuh ibarat isi dan kuku. Secara khusus, kajian ini merumuskan nilai terhadap tanah adat bagi komuniti Bidayuh dikelaskan kepada tiga, iaitu tanah sebagai identiti budaya, tanah sebagai kelangsungan warisan dan tanah sebagai sumber ekonomi. Terbukti tanah adat sememangnya mempunyai hubungan langsung dengan ekonomi dan sosio-budaya komuniti Bidayuh. Implikasinya, pengiktirafan terhadap pemilikan dan pengekalanan taraf milikan tanah adat dalam komuniti Bidayuh perlu bagi memastikan kelangsungan kehidupan mereka pada masa hadapan daripada semua aspek, baik daripada segi sosial, ekonomi dan juga politik.

Penghargaan

Kertas adalah hasil penyelidikan di bawah Dana Pembangunan Penyelidikan, DPP-2014-165 bertajuk “Nilai tanah dalam perspektif komuniti Bidayuh di Sarawak”. Penghargaan khusus kepada kumpulan penyelidikan FRGS/1/2013/SS06/UKM/03/1 di atas sokongan kepakaran dan bantuan maklumat yang diberikan.

Rujukan

- Azima Abdul Manaf, Novel Lyndon, Sivapalan Selvadurai, Mohd Yusof Hussain, Zaimah Ramli, Sarmila Md Sum, Suhana Saad, Mokhtar Jaafar, Mohd Fuad Mat Jali (2014a) Cabaran tranformasi Tanah NCR: satu satu keperluan terhadap metod pemetaan berpenglibatan. *Geografia-Malaysia Journal of Society and Space* **10**(1), 110-117.
- Azima AM, Novel Lyndon, Zaimah Ramli, Suhana Saad, Sarmila Md Sum, Mohd Yusof Hussain, Abdul Hair Awang, Sivapalan Selvadurai, Mohd Fuad Mat Jali, Mokhtar Jaafar (2014b) Memahami makna persempadanan dan pemilikan tanah NCR oleh komuniti Bidayuh di Sarawak. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9*. Kuala Terengganu, 30 Ogos-1 September 2014.
- Borneo Resources Institute Malaysia (BRIMAS) (1999) *Buku Kecil Tanah Adat Bumiputra dan Undang-Undang di Sarawak*. Kuching, Sarawak.
- Dimbab Ngidang (2007) Kuasa Pasaran, Ruang Tanah Adat dan Pembangunan Tanah di Sarawak. Seminar Antarabangsa Tanah Keterhakistan Sosial dan Ekologi: Pengalaman Malaysia dan Indonesia. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia. 4-5 Disember 2007.
- Fazilah Majid Cooke, Su M, Vaz J (2011) Making an informed choice a review of palm oil partnerships in Sabah and Sarawak, East Malaysia. *Malaysia Palm Oil Study*. 25 Mei 2011.
- Hersperger AM, Gennaio M, Verburg PH, Burgi M (2010) Linking land change with driving forces and actors; four conceptual models. *Journal Ecology and Society* **15**(4), 1.

- Justiz Vaz (2012) An analysis of international law, national legislation, judgement and institutions as they interrelate with territories and areas conserved by indigenous peoples and local communities: Report 15, Natural Justice Delhi.
- Majid-Cooke F (2003) Maps and counters maps: Globalised imaginings and local realities of Sarawak's plantation agriculture. *Journal of Southeast Asia Studies* 34, 265-284.
- Marcus C et al. (2008) Hak-hak tanah dan Pengembangan Perladangan Kelapa Sawit di Sarawak. Forest Peoples Programme dan Perkumpulan Sawit Watch.
- Mark Bujang (2004) Malaysia's Case Study: A Community intuitive mapping Dayak's Customary Land in Sarawak. Borneo Resources Institute (BRIMAS).
- Mohd Fuad et al. (2012) Isu semasa dan persepsi belia terhadap politik dalam Pilihan Raya Umum dewan Undangan Negeri Sarawak. *Geografia-Malaysia Journal of Society and Space* 8, 138-148.
- Mohd Shafiq Akmal Kasimun, Azima Abdul Manaf (2014a) Komuniti Bidayuh Serian, Sarawak: Memahami keperluan pemilikan tanah adat yang diiktiraf. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9*. Kuala Terengganu, 30 Ogos-1 September 2014.
- Mohd Shafiq Akmal Kasimun, Azima Abdul Manaf (2014b) Peri pentingnya pemilikan tanah adat yang diiktiraf: memahami keperluan komuniti Bidayuh Serian, Sarawak. *Geografia-Malaysia Journal of Society and Space* 10(6), 170-178.
- Rob C, Patrick S (2011) Shifting ground: Renegotiating land rights and rural livelihoods in Sarawak, Malaysia. *Journal Asia Pacific Viewpoint* 52(2), 136-147.
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) (2013) Laporan Inkuiri Naional mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli. Terbitan Suruhajaya Hak Asasi Manusia, Kuala Lumpur.
- Ziana Anak Rumpet (2013) Suku kaum Bidayuh. Jabatan Peguam Negara. [Cited 15 April 2014]. Available from: www.agc.gov.my.